

Periksa penggunaan logo polis

KEJAYAAN polis menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah selepas pemantauan selama empat bulan berikutan penahanan 11 anggota sindiket itu dan merampas 77 kilogram heroin bernilai RM3.85 juta Jumaat lalu merupakan kejayaan yang besar dan wajar dibanggakan.

Yang menakutkan, jumlah heroin yang begitu banyak dirampas menunjukkan bahawa ia mempunyai permintaan tinggi di kalangan penagih Malaysia kerana jumlah rampasan itu berupaya menampung keperluan lebih 38,520 penagih sehari sekiranya seorang penagih mengambil 0.04 gram sehari.

Sebanyak 16 buah kenderaan sindiket tersebut yang ditampal dengan pelekat polis, tentera, pihak berkuasa lain dan logo parti politik yang bertujuan mengaburi mata pihak berkuasa turut dirampas tetapi agak mengelirukan sama ada sindiket ini bertahan lama hanya kerana logo-logo tersebut. Tambahan pula, sindiket ini aktif di peringkat antarabangsa.

Tuah ahli sindiket yang 'lepas' dari pemeriksaan teliti sekatan jalan raya kerana logo yang ditampal di kereta mereka menimbulkan tanda tanya sesiapa sahaja, sama ada penguatkuasaan sekatan jalan raya secara rambang atau tidak menaruh syak wasangka terhadap kenderaan berlogo.

Janji Ketua Polis Negara untuk memandang serius fenomena menampal pelekat polis, Majlis Peguam dan agensi lain yang sepatutnya dilarang dijual kepada orang awam tetapi kini begitu mudah dibeli adalah perkara yang sepatutnya dan tindakan tegas perlu diambil terhadap mereka yang menggunakan logo tersebut sekiranya tidak layak. Selain itu penjual yang tidak mempunyai permit menjual logo juga perlu dikenakan tindakan kerana mereka tidak mengambil kira faktor-faktor yang lain melainkan keuntungan semata-mata.

Dengan tumpasnya sindiket ini, bermakna pasukan polis perlu lebih giat mencari siapakah pembeli dadah dan punca bekalan yang begitu banyak diperoleh. Kemungkinan ahli sindiket yang masih bebas juga ada, oleh itu kerjasama orang ramai amatlah penting dalam membantu pasukan polis.

Yang paling penting, pemeriksaan jalan raya yang teliti perlu diperhebatkan kerana ramai penjenayah yang menggunakan apa jua cara untuk meloloskan diri dari pemeriksaan jalan raya sedangkan tujuan utama pemeriksaan ialah untuk mencegah perbuatan jenayah.

Mutakhir ini ada juga laporan di akhbar yang menunjukkan bahawa pendatang asing disorok ke dalam bonet kereta yang diubah suai. Sekiranya pemeriksaan teliti dilakukan, saya percaya mereka akan tumpas lebih awal, bahkan pihak berkuasa juga perlu tahu laluan yang sering digunakan oleh penjenayah untuk melancarkan kegiatan mereka.

Janganlah pula hanya kerana logo di kereta penjenayah terlepas dengan mudah sedangkan banyak kali juga pengguna jalan raya mengalami kesesakan lalu lintas kerana pemeriksaan polis tetapi penjenayah akhirnya lolos!

- NIK SALIDA SUHAILA
NIK SALEH,
Universiti Sains Islam
Malaysia.